

NASKHAH PERCUMA

قربانن كما جوان اقتصادي كلنتن

# PKINK



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH BIL 4 / OKTOBER - DISEMBER 2011 [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

## Infra Quest Kekalkan Prestasi Cemerlang

► MS 5

Kijang Kuari Raih  
Keuntungan RM1.8 juta  
► MS 9

KPKB Tandatangani  
MOU Tembusi Pasaran  
Thailand  
► MS 11

Terajui Birokrasi  
Dengan Budaya  
Islam  
► MS 13

DAN NEGERI YANG BAIK (TANAHNYA), TANAMAN-TANAMANNYA TUMBUH (SUBUR)  
DENGAN IZIN ALLAH DAN NEGERI YANG TIDAK BAIK (TANAHNYA) TIDAK TUMBUH  
TANAMANNYA MELAINKAN DENGAN KEADAAN BANTUT. DEMIKIANLAH KAMI  
MENERANGKAN TANDA-TANDA (KEMURAHAN DAN KEKUASAAN) KAMI DENGAN  
BERBAGAI CARA BAGI ORANG-ORANG YANG (MAHU) BERSYUKUR.

Surah Al A'raaf, Ayat 58





- |   |  |
|---|--|
| <p><b>4</b> Sidang Editor &amp; Dari Meja Ketua Editor</p> <p><b>5</b> Infra Quest Kekalkan Prestasi Cemerlang</p> <p><b>8</b> Kijang Kuari Raih Keuntungan RM1.8 juta</p> <p><b>12</b> KPKB Tandatangani MOU Tembusi Pasaran Thailand</p> <p><b>13</b> Kumpulan PKINK Peruntuk RM405 Ribu Untuk Tabung Serambi Mekah</p> <p><b>16</b> Terajui Birokrasi Dengan Budaya Islam</p> <p><b>18</b> Diskusi Bajet 2012: Implikasi Terhadap Rakyat &amp; Negara</p> <p><b>18</b> Seminar Keusahawanan ICT Negeri Kelantan 2011</p> <p><b>19</b> IICSB Sertai Karnival e-Government</p> | <p><b>19</b> PKINK Anjur Program Pemasaran Strategik</p> <p><b>20</b> Karnival K5 kembangkan industri kreatif Kelantan</p> <p><b>21</b> Permodalan Kelantan Berhad &amp; ICT Incubator Centre Anjur Kursus Laman Web</p> <p><b>22</b> Bicara Hijrah</p> <p><b>22</b> 68 Peserta, 41 Regu Sertai Kejohanan Kerom Terbuka Ketua Eksekutif PKINK</p> <p><b>23</b> Ahli KSK PKINK Berjaya Tempuh Halangan Berliku</p> <p><b>24</b> PKINK FC Kurang Sengat</p> <p><b>25</b> Mencontohi Sahabat Nabi Salamah bin Akwa'</p> |
|---|--|





## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias  
Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### JURUGAMBAR / PENGEDARAN

**Tuan Hissam Tuan Mamat**

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## Selembar Amanat

*Dari meja Ketua Editor*

Assalamualaikum wrt wbt

Firman Allah SWT bermaksud : dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". (Surah al-Baqarah ayat 30)

Kefahaman ayat ini perlu diperdalamkan kepada segenap lapisan masyarakat. Agar tidak timbul suatu budaya penyalahgunaan kuasa pengurusan dari semasa ke semasa. Kebanyakan melihat jawatan ketua sebagai satu pemilikan kuasa dalam membuat keputusan. Sehingga menggunakan harta dan kemudahan pejabat, syarikat, mengikut keputusan yang tidak sejajar dengan kehendak Allah SWT. Begitu juga dalam mengurus ekonomi dalam semua lapangan, kebanyakan melihat ekonomi sebagai satu saluran mengumpul harta dan kekayaan. Maka, ini berbeza dengan peranan khalifah itu sendiri.

Salah satu nilai rabbani yang paling utama seorang khalifah dalam ekonomi Islam adalah prinsip yang menetapkan bahawa manusia bukanlah pemilik harta tetapi dia hanya diberi kuasa untuk memanfaatkan harta Allah Ta'ala. Nilai inilah yang memastikan adanya unsur rabbaniyah (ketuhanan) di dalam sistem ekonomi Islam. Seorang Muslim meyakini bahawa dia adalah makhluk ciptaan Allah Ta'ala, bekerja di tanah yang merupakan bumi Allah, dengan kemampuan yang diberikan oleh Allah dan dengan peralatan yang merupakan kurnia Allah.

Dia melakukan pekerjaannya mengikut kaedah-kaedah alam semula jadi yang diciptakan Allah. Sekiranya dia memperoleh hasil maka itu adalah harta Allah. Allah-lah yang telah menciptakannya dan Allah-lah yang memilikinya. Manusia hanyalah pemegang amanah yang diberikan kuasa untuk memanfaatkannya. Dalam Islam ekonomi bukanlah merupakan tujuan, tetapi ia adalah salah satu keperluan manusia dan cara yang lazim bagi mereka agar dapat terus hidup dan bekerja untuk matlamat yang tinggi. Maka ekonomi hanyalah penolong kepada manusia dan berkhidmat untuk akidah serta risalahnya.

Islam merupakan sistem sempurna bagi kehidupan individu dan masyarakat. Ajaran Islam merangkumi pelbagai aspek pemikiran, rohani dan akhlak manusia, juga aspek ekonomi, sosial dan politiknya. Maka ekonomi hanyalah satu bahagian daripada pelbagai segi kehidupan. Meskipun ia merupakan bahagian yang penting, namun ia tetap bukan merupakan dasar daripada asas kehidupan ini, bukan pusat ajaran-ajarannya, bukan matlamat risalahnya, bukan tajuk utama dalam tamadunya dan bukan tugas utama yang harus dikerjakan umatnya.

Sistem kehidupan manusia mesti didasari di atas keyakinan menyeluruh tentang alam semesta, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan Tuhan Yang menganugerahkan kehidupan dan menciptakan manusia. Hanya akidah dan keyakinan seperti ini sahajalah yang mampu berinteraksi dengan akal dan sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dalam menafsirkan kewujudan dirinya di alam semesta.

Sekian, terima kasih.

**HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH**

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK



# INFRA QUEST SDN BHD

INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

## Infra Quest kekalkan prestasi cemerlang

**DUNIA** hari ini sudah banyak berubah. Manusia tidak mampu lagi untuk menyembunyikan diri atau terasing daripada dunia luar. Di mana sahaja anda berada hubungan dengan individu lain boleh berlangsung. Berbeza jauh berbanding sebelum era teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Tentunya ramai masih ingat di luar bandar suatu ketika dahulu hanya telefon awam (*public phone*) yang menjadi penghubung. Dua tiga orang beratur di hadapan *public phone* biasa dilihat di mana sahaja tatkala itu.

Kadang-kadang ramai kecewa apabila perkhidmatan *public phone* terganggu. Masalah vandalisme menyebabkan telefon awam sering rosak. Ada ganggang tercabut dan kotak telefon terkopak.

Keadaan menjadi lebih parah apabila berlaku sesuatu kecemasan. Mahu menghubungi ambulans atau bomba menjadi sukar apabila *public phone* rosak. Masalah tersebut sebenarnya menjadi perkara biasa di kawasan pedalaman. Apabila *public phone* rosak, Balai Polis menjadi pilihan terakhir.

Selain itu kita juga boleh menghantar mesej segera melalui telegram. Perkhidmatan telegram boleh sampai kepada penerima dalam tempoh singkat.

Namun semua nostalgia terbabit sudah lama berlalu. Ia tidak lagi kedengaran sekarang. Tidak ada lagi kes seseorang terpaksa menunggu berjam-jam untuk membuat panggilan telefon. Perkembangan ICT ternyata mengubah segala-galanya.

Hari ini di mana sahaja kita pergi boleh melihat menara besi yang melonjak ke langit. Ia bagaikan raksasa yang terpacak kaku di situ. Kalau dahulu besi kerangka tinggi seperti itu hanya tiang elektrik bervoltan tinggi sahaja.

Sebaliknya sekarang menara komunikasi lebih banyak dilihat di mana-mana sahaja, lebih-lebih lagi di kawasan bandar. Malah, di sesetengah tempat terdapat beberapa menara yang menyesatkan pandangan. Ia seolah-olah dibina tanpa perancangan. Masing-masing operator telekomunikasi membina menara sendiri.

Keadaan itu tentunya mencatatkan pemandangan persekitaran. Menara yang pelbagai jenis dan bentuk di satu tempat menjadikan ruang udara bertambah sendat. Malah ruang kosong tempat kanak-kanak bermain pula diragut syarikat komunikasi bagi membina menara.

Bagaimanapun fenomena terbabit berubah setelah kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuat peraturan memastikan setiap menara yang dibina perlu dikongsi bersama (*sharing*).





## Infra Quest Sdn Bhd

Di Kelantan tanggungjawab membina menara komunikasi diserahkan kepada kerajaan negeri. Dan kerajaan negeri pula melantik anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) sebagai *one stop agency* membina menara di seluruh jajahan.

IQSB merupakan anak syarikat kepada Permodalan Kelantan Bhd (PKB). IQSB mulai beroperasi pada 23 Januari 1997. Pada 27 Oktober 1997 kerajaan negeri memberi konsesi kepada IQSB bagi membuat '*common trenching*'. Kemudian pada 4 Disember 1997 IQSB mendapat hak pembinaan '*common tower*' di Kelantan.

IQSB diberi peranan merancang, melaksana dan menyelenggara infrastruktur-telekomunikasi sebagai *one stop agency*.



Ir Mohd Ezanee

IQSB merupakan anak syarikat kepada Permodalan Kelantan Bhd (PKB). IQSB mulai beroperasi pada 23 Januari 1997. Pada 27 Oktober 1997 kerajaan negeri memberi konsesi kepada IQSB bagi membuat '*common trenching*'. Kemudian pada 4 Disember 1997 IQSB mendapat hak pembinaan '*common tower*' di Kelantan.

Syarikat itu juga memainkan peranan sebagai perunding kepada Celcom (M) Sdn Bhd, Maxis Broadband Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Selain itu IQSB juga bertindak sebagai pemaju Radio Base Station (RBS) bagi Celcom. Pada peringkat awal sebanyak 10 menara di bawah program *Tenureship Programme Agreement* (TPA) TM Touch Sdn Bhd beroperasi.

IQSB sememangnya tidak dikenali ramai, namun turut berperanan sebagai perunding kerja-kerja pengubahsuaian kedai pajak gadaai Islam, Ar Rahn yang terdapat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Operasi IQSB, Ir Mohd Ezanee Mohd Adam berkata, syarikat itu memasuki era baru apabila dianugerahkan lesen *Network Facilities Provider (NFP)* oleh SKMM.

"Usaha itu dilakukan bagi membolehkan seluruh negara mendapat liputan penuh pada tahun 2005 dan 2006," katanya ketika ditemui wakil Berita PKINK di pejabat IQSB di Lundang baru-baru ini. Turut sama pada temubual itu Pengurus Besar IQSB, A'sri Che Ali.

IQSB terletak di lot 1045, Jalan Dato' Lundang merupakan bekas kediaman pengasas PAS, Tan Sri Asri Haji Muda.

Kediaman tersebut dibeli PKINK, pada peringkat awal menempatkan pejabat Kompleks Perkayuan Kelantan Bhd. Namun sekarang KPK berpindah ke Stong, Jelawang, Dabong.

### Objektif penubuhan IQSB:

- Mempercepatkan proses permohonan baru bagi pemasangan infrastruktur telekomunikasi.
- Mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi semua infrastruktur sedia ada.
- Menjadi pusat setempat yang mesra Telcos dan PBT.
- Memastikan syarikat telekomunikasi menggunakan pakai sistem gunasama menara seperti disarankan SKMM.



A'sri Che Ali

Pengurusan syarikat pula diketuai Ir Mohd Ezanee yang berkelulusan dalam bidang kejuruteraan. Beliau dibantu A'sri sebagai pengurus besar, Mohd Saiful Adli Abu Bakar, pengurus operasi; Amiriza Hamzah (Penolong Pengurus Teknikal, Mekanikal dan Elektrik) dan Azirin Riffin (Penolong Pengurus Kewangan dan Pentadbiran).

Mohd Ezanee berkata, selain mempunyai hubungan rapat dengan operator telekomunikasi, syarikat terbabit juga menjalin hubungan langsung dengan pihak berkuasa tempatan dan SKMM.

Sehingga kini IQSB mempunyai 200 menara di Kelantan, di mana setiap menara mempunyai ketinggian antara 45 hingga 91 meter. Terkini, keseluruhan bilangan menara telekomunikasi di negeri ini adalah sebanyak 600 buah.

Menara paling tinggi dibina IQSB terletak di Sungai Rakit, Gua Musang disewa oleh DIGI dan Maxis. Operator telekomunikasi lain yang menyewa menara milik IQSB iaitu Celcom, YTL, Mobile TM dan Sapura.

Selain itu pihak Polis Diraja Malaysia juga turut menggunakan kemudahan menara IQSB.

Setiap menara dibina membabitkan kos di antara RM300,000 hingga RM500,000 dan bergantung kepada keadaan geografi tanah.

Tapak yang dibangunkan menara ada di antaranya milik penduduk kampung dan tanah kerajaan. Tanah kerajaan dibayar tol dan milik individu dibayar sewa secara tahunan. Keluasan tapak bagi setiap menara yang dibina IQSB iaitu 30 kaki x 30 kaki.

Mohd Ezanee berkata, pembinaan setiap menara mengambil masa antara sebulan sehingga dua bulan.

Menurutnya pembinaan menara di atas bukit mengambil masa lebih lama memandangkan keadaan muka buminya yang tinggi.

“Pada tahun 2005 dan 2006 kadar bilangan menara di Kelantan sudah mencapai sehingga 70 peratus termasuk yang dibina sendiri oleh operator telekomunikasi.

“Pada tahun 2005 dan 2006 kadar bilangan menara di Kelantan sudah mencapai sehingga 70 peratus termasuk yang dibina sendiri operator telekomunikasi. Sehingga sekarang boleh dikatakan kira-kira 80 peratus penempatan masyarakat Orang Asli di pedalaman Kelantan sudah menjadi liputan telefon mudah alih.”

“Sehingga sekarang boleh dikatakan kira-kira 80 peratus penempatan masyarakat Orang Asli di pedalaman Kelantan sudah mendapat liputan telefon mudah alih,” katanya.

Malah kata beliau sebuah penempatan Orang Asli di Susur Dara, Gua Musang yang mempunyai penduduk seramai 50 orang juga dibina menara telekomunikasi.

Mohd Ezanee juga memberitahu hanya IQSB diberi lesen tunggal oleh SKMM bagi membina dan mengendalikan menara telekomunikasi di Kelantan.

Kata beliau juga tidak banyak syarikat dimiliki kerajaan negeri seperti IQSB yang mengendalikan menara telekomunikasi di negeri-negeri lain kecuali Pulau Pinang dan Melaka.

Di negeri lain dimiliki syarikat swasta dengan nisbah perkongsian 51 dan 49 peratus.

### Masalah vandalisme

A'sri pula memberitahu setiap tahun IQSB terpaksa menanggung kerugian sehingga RM100,000 akibat kecurian komponen-komponen telekomunikasi di menara milik syarikat terbabit.

Katanya penceroboh memasuki kawasan menara untuk mencuri kabel dan peralatan lain yang mempunyai harga tinggi di pasaran.

“Biarpun ada menara dipasang kamera litar tertutup namun kegiatan mencuri masih lagi berlaku. 😞

# Infrastruktur Telekomunikasi



[www.infraquest.com.my](http://www.infraquest.com.my)



**INFRA QUEST SDN BHD**

Lot 11-12, Tingkat 1, Wisma Maju, Jalan Maju, 15000 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : +609-741 4383 Fax : +609 741 4389 Email : [info@infraquest.com.my](mailto:info@infraquest.com.my)

# Kijang Kuari raih keuntungan RM 1.8juta

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**BIARPUN** baru setahun penstrukturan pengurusan baru Kijang Kuari Sdn Bhd bermula setelah diasingkan dari Kumpulan Kelkon Sdn Bhd, namun berkat kerjasama dan kesungguhan kakitangan yang diterajui Pengurus Besar yang baru Haji Mohd Sabri Razali, Kijang Kuari telah berjaya meraih keuntungan sejumlah RM1.8juta pada tahun 2010.

Kijang Kuari Sdn Bhd mempunyai anggota seramai 65 orang menjalankan aktiviti perusahaan kuari dengan menghasilkan produk seperti Crusher Run, Aggregate ¾, Quarry Dust, Chippin-Aggregate 3/8, Blok 6 X9, Blok 24 X 60, Premix ACWC, Premix ACBC dan Hardcore 2 X 4 kini telah melebarkan operasinya dengan melibatkan diri dalam bidang Pembentangan Jalan.

Menurut Sabri, setelah berlakunya pengurusan baru, beliau telah membuat beberapa penambahbaikan seperti mengenalpasti beberapa pembekal (*supplier*) yang mempunyai masalah sehinggakan berlakunya peningkatan kos operasi syarikat.

“Saya mengambil pendekatan terhadap supplier yang bermasalah dengan menamatkan kontrak mereka



Pejabat Operasi Kijang Kuari di Bukit Buloh.

dan membuka ruang kepada pembekal lain yang lebih komited untuk sama-sama membangunkan Kijang Kuari ini,” ujar beliau.

Beliau yang menyedari peningkatan prestasi syarikat itu bergantung penuh dengan usaha kakitangan syarikat turut membawa pembaharuan h u b u n g a n

kakitangan dengan menanamkan sikap amanah dan ikhlas serta kerjasama sepenuhnya sesama kakitangan seterusnya membawa kejayaan untuk syarikat.

Bagi meningkatkan lagi keuntungan syarikat, Kijang Kuari kini sedang mempelbagai skop kerja dengan menceburi

Longgokkan batu batan yang sudah diproses.





“Alhamdulillah setakat ini kakitangan begitu komited untuk bersama-sama saya dalam menerajui Kijang Kuari dan Inshaallah selagi kita bekerja secara ikhlas kejayaan akan sentiasa diberi oleh Allah SWT.” – *Haji Mohd Sabri Razali, Pengurus Besar Kijang Kuari Sdn. Bhd.*

bidang pembuatan jalan dan jambatan kecil.

“Kini Kijang Kuari sedang berunding dengan anak syarikat PKINK iaitu syarikat Ladang Sungai Terah untuk membina jalan kecil sejauh 4KM di Kampung Jeribong ke Kilang Ladang Sungai Tapis dengan menggunakan sepenuhnya produk yang dikeluarkan sendiri dan ini boleh menjimatkan kos Ladang Sungai Terah disamping boleh membawa keuntungan kepada Kijang Kuari sendiri,” katanya lagi.

Di samping itu Kijang Kuari juga merancang untuk menjadikan tanah yang disewa dari orang kampung seluas 11 ekar berhampiran tapak operasinya di Bukit Buloh Pulai Chondong sebagai tapak industri hiliran dengan membina kilang memproses bata simen dan ia dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Pada tahun 2012, Kijang Kuari sedang berusaha membuka semula operasi kuarinya di Panggung Lalat Gua Musang.

Dengan keluasan tanah bukit seluas 72 ekar, Kijang Kuari akan dapat beroperasi semula dan ia berupaya mengeluarkan batu kuari jenis Granit dan ini dijangka akan membawa keuntungan kepada syarikat memandangkan ia terletak di Gua Musang dan dapat dijadikan sebagai pembekal kuari di kawasan Selatan Kelantan.

“Kita jangka dengan beroperasinya semula kuari ini, ia dapat menjadi pembekal utama batu granit di Gua Musang dan boleh menjadi pembekal tunggal batu granit tersebut” kata

beliau lagi.

Kijang Kuari menjangkakan unjuran keuntungan bagi tahun 2011 ialah sebanyak RM1 hingga 1.2 juta.

Beliau juga berkata walaupun berlaku penurunan keuntungan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010, namun ia tidak menjejaskan operasi syarikat bagi tahun 2012. Syarikat mensasarkan sejumlah RM2juta pada tahun 2012.

Menyingkap rahsia kejayaan beliau sehingga membawa keuntungan kepada Kijang Kuari, Sabri berkata beliau sering menanamkan semangat setiakawan dan kerjasama penuh sesama kakitangan. Di samping itu, kakitangan juga diterapkan nilai ikhlas dan jujur semasa bekerja.

“Kakitangan sesebuah syarikat adalah aset utama dan kita seharusnya berganding bahu tanpa mengira pangkat, kejujuran dan keikhlasan amat penting untuk menjadikan syarikat itu berjaya.”

Syarikat juga mewujudkan tabung pinjaman mudah untuk kakitangan yang ingin memiliki motosikal di mana pihak syarikat akan cuba membantu mereka dan kakitangan tersebut hendaklah membuat potongan gaji tanpa dikenakan sebarang caj dan ini memudahkan urusan kerja harian kakitangan.

“Alhamdulillah setakat ini kakitangan begitu komited untuk bersama-sama saya dalam menerajui Kijang Kuari dan Inshaallah selagi kita bekerja secara ikhlas kejayaan akan sentiasa diberi oleh Allah SWT”.

Kijang Kuari juga adalah merupakan syarikat yang mendapat taraf ISO 901:2001 dan ini membuktikan operasi syarikat telah diakui umum sebagai syarikat yang berkualiti dalam mengeluarkan hasil kuari.

Walaupun keuntungan syarikat menjadi sasaran utama, namun kepentingan masyarakat juga diutamakan dengan memperuntukkan sejumlah 5 peratus dari keuntungan tahunan sebagai satu tanggungjawab sosial.

“Melalui peruntukkan ini, kita banyak membekalkan batu batan secara percuma kepada pihak tertentu yang memerlukan seperti sekolah atau pembinaan masjid di samping sumbangan kewangan.”

Kini Kijang Kuari Sdn Bhd telah menjadi sebuah syarikat yang mampu berdiri seiring dengan anak syarikat lain dalam Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dalam usaha membantu kerajaan negeri meningkatkan pendapatan negeri. 🍌



Pejabat Kijang Kuari di Kok Lanas.



**KIJANG KUARI SDN BHD**  
TINGKAT 1 & 2 PT 110 SEKSYEN 8  
JALAN PARIT DALAM, 15000, KOTA BHARU , KELANTAN  
P: 609-7441499 F: 609-7445977



Memorandum Persefahaman dimeterai disaksikan oleh Exco Negeri Kelantan.



MoU antara KPKB dan STICON dimeterai baru-baru ini.

# KPKB tandatangani MoU tembusi pasaran Thailand

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**HATYAI, THAILAND** - Hasrat Kelantan untuk memperluaskan pasaran barangan berasaskan pertanian dan Industri Desa ke negara jiran Thailand semakin menjadi kenyataan apabila Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) berjaya membuat satu memorandum persefahaman bersama Gabungan Koperasi Islam Selatan Thailand (STICON) dalam usaha membawa produk halal dari Kelantan ke Thailand.

MoU yang ditandatangani oleh Ketua Eksekutif KPKB Haji Mohd Farid Abdul Razak bersama Pengerusi STICON Dr Worawid Baru @ Haji Ahmad Idris yang juga merupakan Senator Pilihan Rakyat Wilayah Pattani tersebut turut disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Desa Haji Abdullah Mat Nawi.

Menurut Mohd Farid, sebelum ini walaupun sudah ada beberapa usahasama dalam urusan perniagaan seperti KPKB telah mengimport ratusan ekor lembu dan barangan berasaskan pertanian ke negeri ini namun dengan adanya MoU ini, ia dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara KPKB dengan STICON.

“Kita berharap kerjasama KPKB dengan STICON ini dapat melebarkan lagi pasaran produk berasaskan pertanian dan industri desa ke seluruh Thailand terutamanya produk halal,” ujar beliau.

Beliau juga berkata KPKB melalui anak syarikatnya pula iaitu Murni Marketing Sdn Bhd kini sedang menjalankan usahasama dengan Sime Darby Food & Beverages Marketing Sdn Bhd membawa masuk produk halal ke Thailand yang kini amat berpontesi dalam pasaran produk halal terutamanya umat Islam Thailand.

Sementara itu Che Abdullah Mat Nawi ketika menyampaikan ucapan di majlis tersebut berkata kerajaan Kelantan kini sedang rancang berusaha dalam memastikan sasaran Kelantan sebagai negeri Jelapang

Makanan Negara 2015 dengan membawa kesedaran bahawa sektor pertanian adalah merupakan satu bidang yang amat berpontesi dan kini melalui gagasan Bertani Satu Ibadah yang dibawa pula telah menimbulkan satu kesedaran baru bahawa walaupun dalam bentuk pertanian ia juga adalah satu kerjaya yang mulia kerana akan dikira sebagai ibadah dan boleh memberi ganjaran pahala di akhirat nanti.

Beliau juga berharap dengan adanya memorandum persefahaman antara KPKB dan Gabungan Koperasi Islam Selatan Thailand ia akan mempercepatkan pemasaran produk halal untuk umat Islam antara kedua-dua pihak.

“Pelbagai usaha kerajaan Kelantan untuk memasuki pasaran produk berasaskan pertanian dan industri desa ke Thailand dan dengan adanya hubungan dua hala ini ia akan mempercepatkan lagi pasaran barangan tersebut,” katanya lagi.

Bagi Pengerusi STICON Dr. Worawid Baru, MoU yang dibuat kali ini membuktikan kesungguhan pihak gabungan Koperasi Islam Selatan Thailand untuk menjadi wakil tunggal kepada barangan yang dibawa oleh KPKB terutamanya berasaskan pertanian dan industri desa. Beliau turut yakin melalui STICON pasaran akan bergerak pantas memasuki pasaran pengguna Islam di Thailand.

“Buat masa ini sudah 16 wilayah dalam Thailand yang dimasuki pasaran koperasi Islam dan sambutannya amat memberangsangkan kerana sudah ada kesedaran di kalangan umat Islam di Thailand dalam usaha membentasi riba dalam urusan niaga,” ujar beliau.

Dr. Worawid juga berkata satu Akta Tabung Simpanan Negara telah diwujudkan oleh kerajaan Thailand untuk umat Islam yang berperanan dalam usaha membawa umat Islam keluar dari unsur perniagaan yang dipenuhi riba kepada sistem ekonomi Islam yang sebenarnya. 🌟

# Kumpulan PKINK Peruntuk RM405 Ribu Untuk Tabung Serambi Mekah

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** : Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kekal menjadi agensi pembangunan ekonomi negeri yang penting dalam memangkin dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan bagi memastikan rakyat negeri ini terus berada dalam kemakmuran.

Kejayaan Kumpulan PKINK mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan pada tahun 2010 membolehkan kumpulan untuk terus melaksanakan sebahagian tanggungjawab sosial dan kebajikan kepada rakyat Kelantan yang memerlukan terutama menerusi Tabung Serambi Mekah Kerajaan Negeri Kelantan.

Justeru, Kumpulan PKINK sekali lagi menjadi salah satu agensi terpenting yang telah menyumbang sejumlah RM405 ribu kepada Tabung Serambi Mekah pada majlis kutipan derma Akaun Amanah Kebajikan (Tabung Serambi Mekah) ke-21 bertempat di Kompleks Islam Darul Naim pada 17 November lalu.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika merasmikan majlis kutipan tersebut berkata Tabung Serambi Mekah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri pada tahun ini dengan sumbangan derma yang tertinggi pernah diterima sejak ditubuhkan 21 tahun yang lalu.



“Perkembangan ini berlaku kerana kesedaran ajaran Islam yang murni menerapkan rasa tanggungjawab dan keinsafan terhadap penderma.


“Hasil didikan golongan alim ulama dan sebagainya berhubung tanggungjawab sebagai umat Islam, mereka dapat menunaikan tanggungjawab itu,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada dermawan serta penderma lain termasuk agensi-agensi kerajaan, swasta dan sebagainya kerana sudi menderma.

Katanya, dengan sumbangan tersebut ianya dapat membantu mangsa-mangsa ribut, kebakaran, banjir dan bencana alam lain.

Beliau berharap ianya menjadi suntikan motivasi kepada masyarakat untuk turut menunaikan tanggungjawab itu.

Sementara itu Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah ketika ditemui berkata PKINK yang merupakan agensi pembangunan negeri akan terus menjalankan tanggungjawab sosial kepada rakyat negeri ini.

“Kita amat berbangga kerana sekali lagi dapat membantu kerajaan dalam mengisi dana Tabung Serambi Mekah, Kumpulan PKINK akan sentiasa berada di belakang kerajaan dengan menyokong program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk kebajikan rakyat,” ujar beliau. 



# RUANG NIAGA UNTUK DISEWA

## Anda sedang mencari lot-lot perniagaan?

Bertempat di **Medan Ikan Bakar Kg. Siti Mani Kedai Buluh**, Kota Bharu Kelantan. (*Lokasi premis terletak di persisir / tepi Sungai Kelantan*)

Dapatkan tawaran hebat dengan lot-lot perniagaan (keluasan maksima - 11 kaki x 13 kaki) yang sedia ada. Dengan hanya **RM250\*** sebulan dan **PERCUMA** untuk 2 bulan pertama.



# 15 LOT TAPAK SEDIA ADA!



*\* Untuk 10 bulan berikutnya (dalam tahun pertama) dan sewaan seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PKINK.*



Hubungi kami di PKINK

**09-741 4141**

Bahagian Pembangunan  
Usahawan PKINK

**09-741 4055**

**09-741 4062**

**09-741 4063**



# Teraju Birokrasi Dengan *Budaya Islam*

Oleh Ustaz A. Ubaidillah bin Alias

**D**alam sebuah buku berjudul *Leaders Talk Leadership*, disebutkan bahawa ada lima cabaran besar yang perlu ditangani oleh seorang majikan dalam membentuk satu pasukan yang berjaya. Iaitu :

- 1 Mengurangkan karenah birokrasi.
- 2 Mendekatkan pengguna atau pelanggan dengan pihak dalaman sesebuah syarikat.
- 3 Mempastikan pihak pengurusan sentiasa mendengar dan menilai sebarang aduan daripada pekerja barisan hadapan.
- 4 Memberi lebih perhatian kepada pekerja yang mempunyai idea di luar kotak.
- 5 Memberi dorongan kepada golongan yang suka membuat penemuan baru dan berinovasi dengan cara memberi ganjaran yang fleksibel.

Kelima-lima perkara di atas bukan terkena atas pundak majikan semata-mata, malah ianya berkait secara langsung dengan setiap pekerja dimanamana posisi atau agensi. Kelima-lima perkara tersebut merupakan satu cabaran umum kepada mana-mana agensi kerajaan atau swasta dalam membina sebuah pasukan yang kukuh dan berdaya saing.

Kita mengerti bahawa keseluruhan sistem dan operasi bergerak menerusi tangan dan jiwa manusia. Bukan bergantung kepada mesin dan komputer. Untuk mengatasi masalah birokrasi, mendekatkan diri dengan pengguna, mendengar aduan, memberi perhatian, membalas jasa baik dengan ganjaran. Semuanya memerlukan budaya penyucian hati dan jiwa yang

berterusan di semua peringkat. Jika kita mampu mengharmonikan kompetensi dan karismatik anggota dalam satu budaya islami, maka organisasi itu akan menjadi perkasa.

Pepatah menyebut "Untuk memperbaiki dunia, maka perbaiki manusia yang berada di dalamnya. Untuk memperbaiki manusia, perbaiki

hati yang berada di dalam dirinya.”

Untuk memperbaiki hati, Islam meletakkan taqwa sebagai matlamat utama kehidupan, kerana taqwa akan mengubah hati manusia, sekaligus mengubah dunia yang didiami oleh mereka. Saya percaya setiap agensi atau organisasi sedang memikirkan cara untuk memperkasa kumpulan mereka dalam suasana krisis pecah amanah, krisis ekonomi dan jenayah kian meningkat dari masa ke semasa. Penulis berpandangan bahawa ia hanya mampu dilakukan dalam tiga cara.

## PEMBELAJARAN ILMU SECARA BERTERUSAN

Sabda nabi SAW *“Ilmu adalah imam kepada amalan (kerja) dan setiap amalan perlu menuruti ilmu”*. Dunia ini diurustadbir oleh manusia. Mesin juga tidak akan mampu berjalan sendiri jika manusia tidak memprogramkan ia untuk satu-satu objektif. Untuk memastikan manusia membuat sesuatu objektif yang betul, mereka perlu dipandu dengan ilmu yang betul. Di sinilah Islam memandu jiwa manusia agar memperolehi taqwa, yang memberi kekuatan untuk manusia memahami dosa dan pahala. Maka, setiap keputusan akan memimpinya kepada kejayaan. Tanpa ilmu, mereka akan kesesatan dalam gelombang dunia.

Pepatah menyebut *“When we stop learning, we stop leading”*

Maka, perkara yang perlu dibiasakan ialah pesanan daripada al-Quran dan hadis. Setiap organisasi perlu mewujudkan satu pembudayaan ilmu di syarikat atau kumpulan masing-masing. Ini bagi memastikan kesedaran jiwa terhadap taqwa bertambah dari masa ke semasa. Malah, ia perlu dilazimkan demi mengingatkan mereka yang terlalai atau terlupa.

Pengulangan pesanan perlu dibuat secara harian, mingguan dan bulanan. Pepatah menyebut *“Repetition is a mother of knowledge”* Apabila adanya pengulangan dan kelaziman dalam memberi peringatan, maka manusia akan berjaya dibentuk. Firman Allah



maksudnya : *Berilah peringatan, sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang yang beriman.* (Surah az-Dzariyat ayat 55)

## BERJEMAAH SECARA MENYELURUH

Jangan sesekali proses tazkirah ini dilakukan untuk individu tertentu sahaja, malah ia perlu dilakukan secara berkumpulan atau berjemaah. Ia tidak akan memberi impak yang besar jika dilakukan secara kelompok kecil. Jangan sekadar diwajibkan golongan bawahan menghadiri kuliah, sedangkan golongan atasan dibiarkan. Ilmu adalah untuk semua dan bukan untuk segelintir. Majlis ilmu adalah taman syurga, melazimi taman syurga akan menjadikan hati seluruhnya saling mencintai dan teguh silaturrahim.

Pepatah menyebut *“If you want to go quickly, go alone. If you want to far, go together”*

Proses ini memakan masa, tetapi ia akan menjadi sangat berkesan. Anda mungkin boleh membuat perubahan yang drastik, tetapi kesannya juga akan hilang secara drastik. Maka, pembudayaan ilmu dan sikap berjemaah ini perlu dipupuk beransur-ansur menerusi dua cara :

**PERTAMA**, melazimkan sembahyang berjemaah di kalangan pekerjaannya.

Dengan mewujudkan surau di ruang pejabat dan mewajibkan anggota hadir berjemaah.

**KEDUA**, membudayakan penghayatan ilmu dalam kalangan stafnya, dengan mewujudkan kuliah secara mingguan dan bulanan. Tanpa dikecualikan seorang pun daripada pangkat tertinggi hingga ke bawah.

Alhamdulillah, penulis melihat pihak PKINK telah berjaya mewujudkan suasana pemupukan ini. Kesan positifnya juga sudah mampu dilihat, tinggal hanya untuk mengekalkan budaya ini secara berterusan. Dengan kekalnya budaya ini, masalah pecah amanah, krisis ekonomi samaada untung rugi, kadar jenayah akan dapat disusutkan jumlahnya dari hari ke hari.

Sebagai kesimpulan, kerana birokrasi dan semua isu yang disebutkan dalam mukaddimah esei ini merupakan masalah yang menjadi polemik pada semua organisasi atau jabatan. Maka, langkah yang penulis sebutkan tadi sebagai satu cadangan penyelesaian bagi pengurus atau majikan yang beragama Islam. Sebolehnya perubahan ini dimulakan oleh pengurusan tertinggi dan diikuti oleh orang bawahan. Jangan pula menjadi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus. Semoga perkongsian ini memberikan kebaikan, insya Allah. 🙏



## Diskusi Bajet 2012: Implikasi Terhadap Rakyat dan Negara

**BAJET 2012** yang telah dibentangkan pada 7 Oktober 2011 oleh YAB Perdana Menteri mengajak kita bersama berbicara tentang beberapa perkara yang memberi kesan secara langsung kepada fungsi dan peranan agensi-agensi pembangunan negeri Kelantan.

Justeru pihak PKINK dengan kerjasama Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan telah menganjurkan satu diskusi bajet pada 15 Oktober yang lalu bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk membincangkan dan mengemukakan pandangan serta maklumbalas mengenai bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Diskusi ini turut mengulas mengenai kesan kepada rakyat dan Negara dalam jangka masa panjang.

Diskusi Bajet ini telah membariskan ahli-ahli panel yang terdiri dari Exco Kerajaan Negeri Kelantan, YB Hj. Che Abdullah Mat Nawi, Pensyarah Ekonomi UKM, Dr. Mohd Shukri Hj. Noor dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah manakala moderator ialah Pegawai Khas Exco Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan, En. Kamarulzaman Abdullah.

Antara objektif diskusi tersebut ialah untuk mendedahkan rakyat dan peneraju GLC Kelantan kepada asas dan disiplin seputar perbincangan bajet, menyediakan ruang bual bicara yang berfokus kepada rakyat dan peneraju GLC Kelantan untuk berdialog tentang ekonomi, kewangan dan bajet negara serta memberi "added value" kepada pemuda rakyat Kelantan ke arah mendepani cabaran semasa.

Program tersebut dihadiri kira-kira 100 orang peserta yang terdiri dari orang ramai serta anggota Kerajaan dan GLC di Kelantan. 🌟

## Seminar Keusahawanan ICT Negeri Kelantan 2011

Oleh: ICT Incubator Centre SdnBhd (IICSB)

**PADA** 18 Oktober 2011, bertempat di Dewan Putri Saadong 3, Hotel Grand Riverview Kota Bharu telah berlangsung satu seminar keusahawanan untuk para usahawan muda ICT di negeri Kelantan. Seminar tersebut dianjurkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan kerjasama ICT Incubator Centre SdnBhd (IICSB) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

Dua orang speaker dari MDeC telah dijemput bagi membentangkan topik yang berkaitan dengan peluang keusahawanan ICT iaitu En. Redzuan dan En. Hilmi. Seminar ini lebih kepada peluang untuk mendapatkan sokongan daripada MDeC bagi mendapat bantuan geran dan menyertai program ICONApss 2.

Seminar tersebut turut dihadiri Ketua Pegawai Operasi Permodalan Kelantan Berhad (PKB), Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad (PKB), Presiden DPMM dan wakil daripada MIS PKINK. Peserta terdiri daripada usahawan muda dalam bidang ICT yang baru menceburi bidang keusahawanan ICT. 🌟





# IICSB Sertai Karnival E-Government

Oleh: ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB)

**ICT INCUBATOR CENTRE SDN BHD (IICSB)** yang merupakan satu-satunya syarikat yang mendapat status MSC di negeri Kelantan ini telah menerima jemputan daripada Kerajaan Negeri Kelantan bagi memeriahkan lagi karnival e-government negeri Kelantan.

Karnival yang telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains Dan Teknologi Negeri Kelantan, YB Dr. Mohamed Fadzli Hassan turut dimeriahkan dengan penyertaan daripada pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta

pihak swasta serta radio THR.

IICSB mengambil peluang untuk memperkenalkan satu Portal Informasi mengenai Negeri Kelantan iaitu Come2 Kelantan.my yang dibangunkan oleh IICSB dan Incubatee IICSB sendiri. Penampilan pertama portal ini yang dipertontonkan di booth IICSB telah mendapat sambutan daripada para penjunjung karnival.

Disamping itu, IICSB turut mengundang Koperasi Rakyat Kelantan untuk turut serta bagi mempromosikan Koperasi Rakyat Kelantan. 🍌



# PKINK Anjur Program Pemasaran Strategik

Oleh : Bahagian Pembangunan Usahawan

**DUNIA** perniagaan memang menjanjikan ganjaran yang lumayan namun disebaliknya juga terdapat pelbagai cabaran dan rintangan bahkan risiko yang boleh membantutkan sesuatu perniagaan yang telah dijalankan. Banyak faktor yang memungkinkan kejayaan seseorang usahawan diantaranya ialah ilmu, berani, kreatif, bersikap positif dan persekitaran yang kondusif. Dalam konteks ini PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah menganjurkan Program Pemasaran Strategik pada 18-19 Disember 2011 bertempat di Dewan Seminar, Pusat Dagangan Kelantan, Kota Bharu. Program selama dua hari yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam telah disertai seramai 47 orang peserta yang terdiri daripada Usahawan Bimbingan dan anggota-anggota Syarikat Anak yang terlibat secara langsung dalam bidang pemasaran.

Objektif keseluruhan program ini



adalah untuk membina kapasiti para usahawan dan anggota-anggota Syarikat Anak agar mampu menjana minda yang sekaligus mampu mengembangkan idea pemasaran secara kreatif dan efektif. Di antara kandungan utama program ini ialah:-

- Mengukuh dan memperbanyakkan ilmu pengetahuan tentang keusahawanan, strategi perniagaan dan komunikasi interpersonal.
- Memikirkan secara kreatif dalam usaha untuk mendapatkan pelanggan dan mengekalkan pelanggan yang sedia ada.
- Mengenali sikap dan nilai peribadi

mereka untuk keyakinan diri dan meyakinkan orang lain.

- Memahami kaedah dan menghasilkan satu pelan pemasaran secara strategik dan berkesan.

Tempoh perjalanan bengkel dari jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 malam memang memenatkan namun banyak perkara dan pengalaman yang dapat dikongsi di antara peserta, fasilitator dan urusetia. Pun begitu tidak dinafikan masih terdapat kelemahan namun apa yang pasti ianya tidak begitu ketara malah dapat diperbaiki dalam mana-mana program yang akan datang. 🍌



کرنیول کر جاي دان کاوسہاونن کریاتیف کلتنن 2011



SEMASA

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Kreatif Kelantan 2011

20-21 Nov, Dewan Besar KTC  
(24-25) مُحْرَم، 8:00am - 11:00pm

Dirasmikan oleh  
YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia  
Haji Nik Abd Aziz bin Nik Mat  
(Menteri Besar Kelantan)

K5



Karnival Kerjaya & Keusahawanan Kreatif Kelantan 2011



ZENTRUM FUTURE STUDIES



"Kuasa Anak Muda Pemangkin Industri Kreatif"

## Karnival K5 kembangkan industri kreatif Kelantan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Kelantan dalam menganjur Karnival Kerjaya & Keusahawanan Kreatif Kelantan 2011 untuk menyuburkan industri kreatif di Kelantan seterusnya memesatkan perkembangan ekonomi negeri ini.

Karnival yang berlangsung selama dua hari ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob bertempat di Kelantan Trade Centre pada 20 Disember lalu.

Objektif program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Kelantan khususnya anak muda yang berbakat dan kreatif untuk menyalurkan daya inovasi dan kreativiti mereka.

Program ini juga sebagai usaha kerajaan membantu rakyat di negeri ini mendapatkan peluang



pekerjaan serta pendedahan bagaimana untuk memulakan perniagaan.

Selain PKINK, penyertaan banyak pihak seperti ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) yang merupakan syarikat anak Kumpulan PKINK, Universiti Lim Kok Wing, Zentrum Future Studies, Zuldesign Autotronics, PROFIMA dan pelbagai pihak lain lagi berupaya menyediakan 100,000 pekerjaan dalam tempoh 5 tahun akan datang adalah realistik. Ini sekaligus membuktikan bahawa kerajaan negeri bersungguh-sungguh dan berusaha mewujudkan peluang pekerjaan di negeri ini.

Pelbagai acara ditampilkan antaranya Pameran Agensi Kerajaan, kuiz Agensi Kerajaan, jualan hasil industri kreatif, promosi bidang pekerjaan dalam sektor perfileman dan persembahan pentas serta cabutan bertuah. 🍀



# Permodalan Kelantan Berhad (PKB) Anjur **Kursus Laman Web**

Oleh: **ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB)**

**BAGI** memudahkan kakitangan mengemas kini dan dengan informasi untuk tatapan pelawat laman web mereka. mengendalikan laman web syarikat masing-masing, IICSB telah mengadakan satu Kursus Mengendali dan Mengemas kini Laman Web Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad (PKB) bertempat di Makmal Komputer IICSB pada 6 - 8 Disember lalu.

Kursus tersebut disertai oleh anggota Ar-Rahn, Akademi Permodalan, Permodalan Kelantan Berhad, Koperasi PKB dan Koperasi Rakyat Kelantan. Kursus tersebut dibahagikan kepada 3 segmen iaitu segmen mengemas kini dan mengendalikan laman web, segmen Kelas Photoshop dan segmen pratikal.

Bagi segmen pertama dan kedua, ianya dikendalikan oleh anggota IICSB sendiri manakala segmen ketiga dikendalikan oleh Encik Zamhari dari Incubatee IICSB sambil dibantu oleh anggota IICSB.

Matlamat kursus ini adalah untuk memastikan laman web syarikat masing-masing sentiasa dikemaskini serta penuh

Sementara itu, ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) telah mengadakan satu kursus lanjutan untuk mengendalikan laman web yang menggunakan Content Management System (CMS) iaitu Wordpress dan Joomla.

Kursus tersebut telah diadakan di Makmal Komputer IICSB yang dihadiri seramai 10 orang peserta terdiri daripada anggota IICSB, Unit IT Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan bahagian MIS PKINK. Kursus tersebut berlangsung selama 2 hari iaitu dari 11-12 Oktober.

Kursus ini dibahagikan kepada 2 bahagian antaranya Kursus Lanjutan Wordpress dan Kursus Lanjutan Joomla. Tenaga pengajar terdiri daripada incubate IICSB sendiri iaitu En. Noor Akman daripada EJoe Solutions dan Cik Yusmanira daripada Kel Computer Station.

Kursus yang dianjurkan oleh IICSB dan diurus oleh Akademi Permodalan adalah bertujuan untuk memperluangkan kemahiran serta memperkasakan lagi kecekapan untuk mengendalikan laman web syarikat masing-masing. 🌟





# BICARA HIJRAH

**KOTA BHARU :** PKINK telah mengadakan program Bicara Hijrah pada 4 Disember 2011 bersamaan 8 Muharram 1433 yang lalu sempena sambutan tahun baru Hijri 1433. Program ini berupa pengisian ceramah bertajuk Transformasi Integriti disampaikan Pendaftar KIAS, Dr. Haji Yaacob Yusoff.

Satu jam tiga puluh minit bersama Dr. Haji Yaacob telah membicarakan asas transformasi dan konsep bekerja dalam Islam. Perbincangan mengenai hubungan pekerjaan dengan ibadah dan dunia ini sebagai mekanisma ujian untuk menuju ke alam akhirat. Setiap amalan yang dilakukan di dunia tidak



terhenti setakat habuan dunia sahaja, ia juga akan memberi impak positif atau negatif untuk kehidupan di akhirat.

Oleh itu Islam menggalakkan penganutnya melakukan yang terbaik dalam setiap kerja agar pahalanya sampai ke akhirat. Dengan hasil yang terbaik sahaja akan dapat memastikan tahap ketamadunan dan kejayaan sesuatu umat. 🤲

## 68 Peserta, 41 Regu Sertai Kejohanan Kerom Terbuka Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK

**KOTA BHARU :** Kejohanan sukan kerom terus mendapat sambutan daripada persatuan-persatuan kerom seluruh Kelantan apabila penganjuran kejohanan Kerom Terbuka Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang diadakan pada 21 hingga 22 Oktober 2011 lalu berjaya mengumpul penyertaan yang amat menggalakkan.

Dalam acara perseorangan, seramai 68 peserta dari pelbagai persatuan kerom seluruh Kelantan telah menyertainya. Acara ini menyaksikan pemain dari kelab kerom Pulau Melaka dan kelab kerom Paloh mengungguli kejohanan dengan hadiah tempat pertama berupa wang tunai RM400.00 beserta barangan dan piala iringan dimenangi Rosly Hussain dari Kelab Kerom Pulau Melaka, manakala tempat kedua Mat Tablir Majid

membawa pulang wang tunai RM250 beserta barangan. Tempat ketiga dan keempat dari Kelab Kerom Paloh Mohd Zapawi Che Makhtar dan Azrin Asir, masing-masing membawa pulang wang tunai RM200 dan RM150 beserta barangan.

Sementara dalam acara beregu, seramai 41 regu telah menyertai kejohanan tersebut. Hadiah tempat pertama ialah wang tunai RM700 beserta barangan dan piala iringan telah dimenangi Mohd Rawi Mamat bersama pasangan Baharuddin Saud dari Pulau Melaka. Pasangan Zainuddin Mohd dan Mohd Sidiki Amali dari Peringat mendapat tempat kedua dengan hadiah RM400 beserta barangan. Tempat ketiga dimenangi pasangan Azmi Nawid dan Shukran Zakaria dari Paloh dengan



hadiah RM300 beserta barangan manakala tempat keempat dengan hadiah RM200 beserta barangan dimenangi pasangan Mohd Fathi dan Zulfirdaus dari Pasir Mas.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi Kejohanan, En. Wan Azizan Wan Yaacob dan juga Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah. 🤲



# Ahli KSK PKINK Berjaya Tempuh Halangan Berliku

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Penyertaan yang mencapai sasaran dan kecekalan diri peserta dalam mengharungi berbagai halangan mencabar sepanjang perjalanan KSEDC Kayakthon Series '11 sedikit sebanyak memberi tonik baru dan kepuasan kepada Jawatankuasa Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK di atas kejayaan penganjuran kali kedua ini.

Yang DiPertua Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK, Mohd Adilan Mat Jusoh berkata, ekspedisi yang bertujuan meningkatkan kemahiran peserta dan mendalami ilmu kayak menjadi platform kepada ahli KSK menyemai jati diri melalui pendedahan terhadap ketahanan mental dan fizikal mereka.

Beliau berkata demikian di majlis pelepasan peserta berkayak dalam siri ekspedisi berkayak 2011 bertempat di Sungai Pulau Melaka pada 1 Oktober lalu.

Hadir sama Timbalan YDP KSK, Ismail Shauki Ibrahim dan Bendahari Kehormat KSK, Nor Azuwan Saleh.

Acara berkayak yang memakan masa selama 2 jam dengan jarak perjalanan sejauh 8 kilometer ini disertai oleh 40 ahli KSK yang berdaftar. Peserta dibahagikan kepada 20 kumpulan dan dikehendaki menyiapkan tugas mencari harta karun di sepanjang susur sungai yang dilalui. Perjalanan ini bermula di bawah jambatan Sungai Pulau Melaka dilencongkan ke Pulau Gajah berbanding edisi lepas yang menuju ke Pantai Sabak sebelum melawan arus berpatah balik semula ke Sungai Pulau



Melaka.

Dalam perjalanan menuju ke Pulau Gajah, pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi setiap kumpulan untuk mencari soalan yang tersembunyi di celah-celah denai dan tebing sungai serta di tangan Urusetia yang mana mereka terpaksa mengerah tenaga dan minda untuk mendapatkan soalan tersebut.

Belum sempat menghilangkan letih, mereka sekali lagi diuji melawan arus dan kesurutan air sungai apabila mereka berpatah balik menuju ke garisan penamat.

Semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh Kumpulan 7 membolehkan mereka menjadi juara mutlak dengan membawa pulang piala pusingan dan barangan iringan yang disampaikan oleh Timbalan YDP, Ismail Shauki Ibrahim.

Kumpulan 18 hanya berpuas hati di tempat kedua dengan membawa pulang barangan iringan diikuti kumpulan 5 di tempat ketiga manakala kumpulan 4 dan 10 masing-masing di tempat keempat dan kelima.

Biarpun terpaksa mengerah keringat, ekspedisi itu menjanjikan kepuasan dan pengalaman yang sangat mencabar sebelum menimba ilmu baru dalam membina kualiti kepimpinan individu. ☺





# PKINK FC Kurang Sengat, Tumpat FC Kekalkan Rentak Kemenangan

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU:** PKINK FC terus dihimpit badi kekalahan selepas tewas 4-5 kepada pasukan Tumpat FC pada perlawanan futsal persahabatan yang berlangsung di Arena Futsal, Padang Tembak pada 14 Disember lalu.

Ia merupakan kekalahan kedua PKINK FC dalam tempoh sebulan selepas tewas 11-1 dalam perlawanan bola sepak pantai juga kepada pasukan yang sama.

Pada aksi perlawanan futsal, Tumpat FC yang membariskan pemain muda mereka tidak perlu menunggu lama untuk memecahkan kebuntuan gol apabila memperolehi jaringan pendahuluan pada minit ketujuh permainan menerusi Zaidi Jusoh.

Terkejut dengan jaringan awal itu, PKINK mula bangkit mengatur serangan balas ke atas kubu lawan dan ternyata usaha tersebut tidak sia-sia apabila penyerang berbisa pasukan, Mohd Zailan berjaya menyamakan kedudukan tiga minit kemudian.

Bahang perlawanan bertambah panas dan mendebarkan apabila Tumpat FC berjaya menambah dua lagi jaringan sebelum PKINK FC kembali merapatkan jurang gol menerusi

dua rembatan deras yang dihasilkan Mohd Zailan.

Penjaga gol PKINK FC turut beraksi cemerlang menyelamatkan beberapa percubaan berbahaya Tumpat FC tetapi akur dengan kelebihan dua lagi jaringan pasukan lawan itu, lima minit sebelum permainan sebenar tamat sebelum PKINK FC sekali lagi merapatkan jurang menerusi Sabri Manaf pada minit-minit terakhir perlawanan.

Sementara itu, pengurus PKINK FC, Aziz Mahmud berkata, tempoh rehat yang terlalu lama menjadi punca anak buahnya gagal menampilkan aksi cemerlangnya pada pertemuan tersebut.

"Selepas pertemuan awal bulan lalu, kami berehat daripada beraksi dalam sebarang perlawanan dan keadaan ini telah menyebabkan prestasi serta tahap kecergasan anak buah saya menurun dengan mendadak.

"Bagaimanapun, kami akan cuba mengatasinya dengan mengatur beberapa perlawanan seumpama ini dalam tempoh terdekat ini bagi mengembalikan semula persembahan mantap dan bertenaga yang pernah dipamerkan mereka sebelum ini," katanya. 🍌



MENCONTOHI SAHABAT NABI

# SALAMAH BIN AKWA'

## BERKEMAHIRAN TINGGI DALAM PERTEMPURAN

**A**nak lelaki Salamah bin Akwa iaitu Ilyas, menceritakan kelebihan bapanya dalam satu kalimat yang singkat, katanya “Bapakku tidak pernah berdusta!” Memang, untuk mendapatkan kedudukan tinggi di antara orang-orang saleh, cukuplah bagi seseorang dengan memiliki sifat ini! Dan Salamah bin Akwa’ telah memilikinya, suatu hal yang memang wajar baginya! Salamah adalah salah seorang pemanah bangsa Arab yang terkemuka, juga terbilang tokoh yang berani, dermawan, dan gemar berbuat kebajikan. Ketika dia menyerahkan dirinya untuk menganut agama Islam, dia menyerahkannya secara benar dan sepenuh hati, sehingga dia pun dicorakkan oleh agama ini sesuai dengan coraknya yang agung.

Salamah bin Akwa’ juga termasuk sebagai salah seorang tokoh yang mengikut Bai’atur Ridh-wan. Pada tahun 6 H, Rasulullah saw. Bersama para sahabat berangkat dari Madinah ke Mekah dengan maksud untuk berziarah ke Ka’abah. Akan tetapi perjalanan mereka dihalangi oleh orang-orang Quraisy, sehingga Rasulullah saw. Mengutuskan ‘Utsman bin ‘Affan untuk menyampaikan kepada orang-orang Quraisy bahawa tujuan kunjungan beliau hanyalah untuk berziarah dan sekali-kali bukan untuk berperang.

Sementara menunggu ‘Uthman kembali, tersiarlah berita bahawa ‘Uthman telah dibunuh oleh orang-orang Quraisy. Maka Rasulullah saw. Duduk di bawah naungan sebatang pohon sambil menerima tabiat syhidup semati dari para sahabat beliau, seorang demi seorang.

Salamah bercerita, “Aku mengangkat baiat kepada Rasulullah saw. Di bawah pohon dengan pernyataan menyerahkan jiwa ragaku untuk Islam, lalu aku mundur dari tempat itu. Tatkala mereka yang akan memberikan baiat tidak berapa banyak lagi, Rasulullah saw. Bertanya,

“Hai Salamah, mengapa kamu tidak ikut baiat?”

“Aku telah baiat, wahai Rasulullah!” ujarku.

“Ulangilah kembali!” titah Nabi saw maka baiat itu diucapkan kembali.”

Dan Salamah telah memenuhi isi baiat itu dengan sebaik-baiknya. Bahkan maksud dari baiat itu telah dilaksanakannya sebelum dia mengikrarkannya, iaitu dari semenjak dia mengucapkan *asyhadu alla ilaha illallahu wa asyhadu anna Muhammadar Rasulullah*.





Salamah berkata “Aku berperang bersama Rasulullah saw. Sebanyak tujuh kali dan bersama Zaid bin Haritsah sebanyak sembilan kali.” Salamah terkenal sebagai tokoh yang paling mahir dalam peperangan jalan kaki, dalam memanah, dan dalam melemparkan tombak dan lembing. Jika musuh datang menyerang, dia menarik pasukannya mundur ke belakang. Tetapi bila mereka kembali atau berhenti untuk beristirahat, maka mereka pun diserangnya tanpa kompromi.

Dengan kemampuan seperti itu, dia seorang diri sudah mampu menghalau pasukan tentera di bawah pimpinan ‘Uyainah bin Hishn al-Fizari yang menyerang luar Kota Madinah dalam satu peperangan yang disebut Perang Dzi Qarad. Dia pergi membuntuti mereka seorang diri, lalu memerangi dan menghalau mereka dari Madinah, hingga akhirnya datanglah Nabi saw. Membawa bala bantuan yang terdiri dari para sahabat beliau. Pada hari itulah Rasulullah saw. Menyatakan kepada para sahabatnya, “Tokoh pasukan jalan kaki kita yang terbaik ialah Salamah bin Akwal!”

Tidak pernah Salamah berhati kesal dan merasa kecewa, kecuali ketika saudaranya yang bernama ‘Amir bin Akwa tewas di Perang Khaibar. Ketika itu Amir mengucapkan syair dengan suara keras di hadapan tentera Islam, katanya,

*Kalau bukan kerana-Mu, tidaklah kami akan mendapat hidayah*

*Tidak akan solat dan tidak pula akan berzakat*

*Maka turunkanlah ketetapan ke dalam hati kami*

*Dan dalam berperang nanti, teguhkan kaki-kaki kami.”*

Dalam peperangan itu Amir memukulkan pedangnya kepada salah seorang musyrik. Tetapi rupanya pedang yang digenggam hulunya itu melantur dan berbalik hingga menghunjam pada ubun-ubunnya sendiri dan menyebabkan kematiannya. Beberapa orang Islam berkata, “Kasihlah Amir. Dia terhalang mendapatkan mati syahid!” Maka pada waktu itu, Salamah merasa kecewa sekali. Dia mempunyai sangkaan sebagaimana sangkaan sahabat-sahabatnya, bahawa saudaranya Amir tidak mendapatkan pahala berjihad dan sebutan mati syahid, kerana dia telah terbunuh diri sendiri tanpa sengaja.

Tetapi Rasulullah saw segera mendudukkan perkara pada tempat yang sebenarnya, iaitu ketika Salamah datang dan bertanya kepada beliau, “Wahai Rasulullah, betulkah pahala Amir itu gugur?”

Maka Rasulullah saw. menjawab, “Dia gugur sebagai pejuang bahkan mendapat dua macam pahala. Dan sekarang dia sedang berenang di sungai-sungai syurga!”


Salamah terkenal sebagai tokoh yang paling mahir dalam peperangan jalan kaki, dalam memanah, dan dalam melemparkan tombak dan lembing. Jika musuh datang menyerang, dia menarik pasukannya mundur ke belakang. Tetapi bila mereka kembali atau berhenti untuk beristirahat, maka mereka pun diserangnya tanpa kompromi.

Kedermawanan Salamah sangatlah luar biasa. Dia akan mengabdikan permintaan orang termasuk jiwanya, apabila permintaan itu diajukan atas Nama Allah! Hal ini rupanya diketahui oleh orang-orang, sehingga jika seseorang ingin agar tuntutannya berhasil, dia akan mengatakan kepadanya “Kuminta kepadamu atas Nama Allah!”

Mengenai hal ini, Salamah pernah berkata, “Jika bukan atas Nama Allah, atas nama siapa kita akan memberi?”

Sewaktu Uthman r.a dibunuh orang, pejuang yang perkasa ini merasa bahawa api fitnah telah menyaluti kaum Muslimin. Dia sendiri, yang selama ini telah menghabiskan usianya untuk berjuang bahu-membahu bersama saudara-saudaranya seagama, tidaklah sudi jika saat ini harus berperang menghadapi saudara-saudaranya seagama! Benar! Sesungguhnya seorang tokoh yang telah mendapat pujian dari Rasulullah saw. Tentang keahliannya dalam memerangi orang-orang musyrik, tidaklah patut jika dia menggunakan keahliannya itu untuk memerangi atau membunuh orang-orang Mukmin. Oleh kerana itu, dia pun mengemasi barang-barangnya, lalu berangkat meninggalkan Madinah menuju Rabadzah, iaitu kampong yang sebelumnya telah dipilih oleh Abu Dzarr sebagai tempat hijrah dan permukiman barunya.

Di Rabadzah inilah Salamah melanjutkan sisa hidupnya. Hingga pada suatu hari, di tahun 74 H, hatinya merasa rindu untuk berkunjung ke Madinah. Maka berangkatlah dia ke sana untuk memenuhi kerinduannya. Dia tinggal di Madinah selama satu dua hari, dan pada hari yang ketiga, dia wafat di sana. Demikianlah rupanya, tanahnya yang tercinta dan lembut serta empuk itu memanggil puteranya ini untuk merangkulnya ke dalam pelukannya dan memberikan ruangan baginya di lingkungan sahabat-sahabgt yang memperoleh barakah bersama para syuhada yang soleh. 🤲



DAN (INGATLAH) AKU TIDAK JADIKAN JIN  
DAN MANUSIA MELAINKAN UNTUK MEREKA  
MENYEMBAH DAN BERIBADAT KEPADAKU  
Surah Az-Zaariyat, ayat 56



Kelantan, Your Unique Destination



**TAHUN MELAWAT  
KELANTAN 2012**  
[www.come2kelantan.my](http://www.come2kelantan.my)

